

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebab mengapa setakat ini tiada penganugerahan 'Tokoh Akademik Negara' untuk tahun 2020 diberi kepada mana-mana ahli akademik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Anugerah Akademik Negara (AAN) merupakan acara tahunan yang mula dianjurkan pada tahun 2006. Inisiatif ini bagi memberikan pengiktirafan tertinggi kepada ahli-ahli akademik yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang masing-masing. Antaranya bidang penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi; penghasilan karya asli yang bermutu; karya seni dan kreativiti terbaik; pengkomersialan produk penyelidikan; serta pengajaran yang cemerlang.

Penularan pandemik COVID-19 sejak bulan Mac yang lalu telah memberikan kesan kepada pelaksanaan semua majlis atau keraian rasmi kerajaan termasuk penganjuran AAN yang dilaksanakan secara berperingkat; terperinci dan memerlukan kehadiran panel dan pemohon secara bersemuka. Kementerian akan mengkaji semula pelaksanaan AAN dengan turut menyuntik elemen-elemen baharu sekiranya situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara pada ketika ini telah pulih sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.